



BERITA

KJ: Vaksinasi di S'wak akan dipercepat agar selamat untuk PRN

Annabelle Lee

Diterbitkan 28 May 2021, 6:35 pm • Dikemaskini 28 May 2021, 9:39 pm

Program vaksinasi Covid-19 di Sarawak akan dipercepat untuk memastikan pilihan raya negeri (PRN) dapat diadakan dengan selamat sekiranya darurat ditamatkan pada 1 Ogos.

Pada sidang media di Kuching, Sarawak petang ini, menteri yang bertanggung jawab ke atas program vaksinasi negara, Khairy Jamaluddin mengumumkan sejumlah langkah yang akan membantu meningkatkan kadar purata vaksinasi menjadi 45,000 suntikan setiap hari.

Ini akan memastikan negara Malaysia Timur dapat mencapai sasaran vaksinasi orang dewasa pada akhir bulan Ogos.

"Saya harap dengan jaminan yang saya beri hari ini kepada negeri Sarawak, kita akan dapat melihat negeri Sarawak mencapai sasarannya pada akhir bulan Ogos dan menjadi negeri pertama yang akan selesaikan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick)," katanya.

Ketika ditanya apakah ada motif politik di sebalik langkah kerajaan persekutuan untuk mengutamakan Sarawak daripada Selangor - pusat gelombang Covid-19 ketika ini - menteri itu menafikan tanggapan berkenaan.

Khairy menegaskan bahawa bagi kesihatan awam dan faktor undang-undang, Sarawak perlu selamat untuk diadakan pilihan raya negeri.

"Jika darurat berakhir pada 1 Ogos, dan itu merupakan jangka waktu darurat, maka Sarawak harus mengadakan pilihan raya negeri (dalam 60 hari).

"Saya tidak tahu adakah anda ingat apa yang berlaku semasa pilihan raya negeri Sabah. Sekiranya negeri Sarawak tidak diberi vaksin sepenuhnya pada waktu mereka mengadakan pilihan raya negeri, maka bukan sahaja negeri Sarawak tetapi seluruh negara Malaysia juga berisiko mengalami gelombang lain. Dan kita tidak mampu.

"Jadi itu bukan isu politik atau keutamaan, (tetapi) merupakan syarat undang-undang bagi Sarawak untuk mengadakan pilihan raya 60 hari setelah darurat ditamatkan," jelasnya.

Mengenai tarikh PRN, Timbalan Ketua Menteri Sarawak Douglas Uggah Embas memberitahu media bahawa perkara itu dalam bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Sekiranya darurat berakhir 1 Ogos, itu bermakna jangka masa kita juga akan berakhir. Kami menyerahkan kepada SPR untuk memutuskan tarikh pilihan raya," katanya.

Khairy memberi jaminan bahawa langkah itu tidak akan menjelaskan proses vaksin Covid-19 di negeri lain.

"Komitmen kami kepada kerajaan negeri Sarawak sama sekali tidak mempengaruhi vaksin yang kami rencanakan untuk diberikan ke negeri lain.

"Dan saya dapat memberi jaminan kepada penduduk di Lembah Klang bahawa kita juga akan mempercepat vaksinasi di Selangor dan Kuala Lumpur, terutama di Selangor yang merupakan titik panas jangkitan Covid-19 sekarang," tegasnya.

Khairy mengumumkan bahawa lebih banyak pusat pemberian vaksin (PPV) akan dibuka.

Ini termasuk dengan mendirikan "PPV Industri" di kilang dan melibatkan 16 klinik umum (GP) swasta serta dua lagi hospital swasta bagi Pick negeri.

Ini bermakna sebanyak 39 klinik swasta dan tujuh hospital swasta akan terlibat.

Sementara itu, pasukan yang akan membantu mereka yang tinggal di kawasan luar bandar seperti rumah panjang untuk mendaftar vaksin Covid-19 secara manual akan ditubuhkan.

"Saya juga telah mengarahkan bahawa Sarawak akan mengamalkan sistem pendaftaran 'hibrid' di mana beberapa pendaftaran akan dilakukan melalui MySejahtera sementara beberapa yang lain dilakukan secara manual oleh penduduk di sini di Sarawak.

"Ini akan mempercepat proses pendaftaran bagi mereka di luar bandar yang tidak memiliki peranti dan internet," kata Khairy.

Sarawak tidak lagi membeli Sinovac

Dia memberi jaminan bahawa kerajaan persekutuan akan dapat menyediakan semua 4.4 juta dos vaksin ke Sarawak pada akhir bulan Ogos, cukup untuk 2.2 juta orang dewasa di negeri ini.

Mulai bulan Jun, 380,000 dos akan dihantar ke negeri ini setiap minggu.

Ditanya sama ada Sarawak akan meneruskan rancangan awal untuk membeli 500,000 dos Sinovac dari Pharmaniaga, Douglas mengatakan bahawa ia ditangguhkan selagi mereka mempunyai bekalan yang mencukupi dari Putrajaya.

"Pada masa ini, kita pegang janji menteri (Khairy) bahawa dia memberikan semua (vaksin) yang diperlukan," katanya.

Minggu lalu, Ketua Menteri Sarawak Abang Johari Abang Openg dilaporkan mengatakan bahawa Perdana Menteri Muhyiddin Yassin telah bersetuju untuk kerajaan negeri membeli setengah juta vaksin Sinovac dari Pharmaniaga untuk mempercepat proses vaksinasi.

Beri pendapat anda!

Jadi pelanggan Malaysiakini untuk menjadi pengulas berita. Anda dapat mengakses kandungan semua bahasa dan menulis komen di semua platform Malaysiakini.

LANGGAN DAN SOKONG MEDIA BEBAS

Bersatu sokong media bebas.



sarawak **vaksin** **covid-19** **khairy jamaluddin**

Sign up for Kini Morning Brief